PLKN 3.0 hanya untuk remaja lahir pada 2007

Oleh Azhar Shahrulnizam - November 3, 2023 @ 11:44am
bhnews@bh.com.my



BH Rabu, 1 November 2023 — Nasional — 9

Sidang Dewan Rakyat

Pelaksanaan semula PLKN babit dua fasa

Kerajaan manfaat 13 kem Askar Wataniah di seluruh negara

Oleh Mahani Ishak dan Fahmy A Rosli
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pelaksanaan semula Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang dimansuhkan pada 2018 akan membabitkan dua fasa.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohamad Hasan, berkata Fasa 1 membabitkan pelajar Tingkatan Empat melalui silibus Kementerian Pendidikan (KPM) yang mengandungi silibus kokurikulum seperti kadet polis, bomba dan pengakap akan diperkasa-

PLKN Fasa 1 babitkan pembabitan di fasa sekolah, manakala PLKN Fasa 2 pula selepas SPM. (Foto hiasan)

Keratan akhbar Berita Harian bertarikh 1 November 2023.

KUALA LUMPUR: Hanya remaja yang lahir pada 2007 akan dipanggil menjalani Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) 3.0 apabila ia dilaksanakan pada tahun hadapan.

Kementerian Pertahanan (MINDEF) dalam kenyataannya, berkata kerajaan telah bersetuju untuk memperkenalkan semula PLKN dengan kaedah yang baru selaras dengan Akta Latihan Khidmat Negara 2003 (Akta 628).

"Pelatih akan dipilih mengikut tahun kelahiran. Ada garis permulaan tahun kelahiran tertentu bagi pelatih untuk memulakan PLKN 3.0.

"Sekiranya pelatih yang dipilih tidak dapat menyertai latihan khidmat negara atas sebab yang dibenarkan, mereka boleh memohon penangguhan. Had maksimum untuk menjadi pelatih adalah sehingga berusia 35 tahun.

"MINDEF turut berharap penjelasan ini dapat menyelesaikan kekeliruan dan kegusaran orang awam mengenai penetapan umur pelatih PLKN 3.0," katanya.

Baru-baru ini, tular di media sosial apabila ada pihak membuat ciapan dengan mendakwa peserta yang akan dipilih menyertai PLKN untuk fasa baharu adalah individu dalam kalangan belia berusia 16 hingga 35 tahun.

Terdahulu, dilaporkan pelaksanaan semula PLKN yang dimansuhkan pada 2018 akan dilaksanakan membabitkan dua fasa.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohamad Hasan, dilaporkan berkata, Fasa 1 membabitkan pelajar Tingkatan Empat melalui silibus Kementerian Pendidikan (KPM) yang mengandungi silibus kokurikulum seperti kadet polis, bomba dan pengakap akan diperkasakan pada peringkat itu.

Mohamad dilaporkan berkata, pelajar Tingkatan Lima yang dikecualikan untuk menjalankan latihan di Fasa 1 bagi memberi laluan kepada mereka melakukan persediaan menempuhi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pula, akan menyertai Fasa 2 di kem latihan Askar Wataniah sedia ada.